

12 OCT 1996

BELUM TENTU SAMA ADA AHLI KORPORAT DILANTIK AHLI MT

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata UMNO masih memerlukan ahli korporat tetapi sama ada golongan itu akan dilantik ahli Majlis Tertinggi (MT) setelah gagal dalam pemilihan parti Khamis lepas masih belum difikirkan.

Masih ramai yang lain yang layak (dilantik ahli MT) tetapi mereka belum dapat dipastikan, katanya semasa persidangan berita selepas berakhirnya Perhimpunan Agung tiga hari di sini petang ini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya adakah ahli korporat yang kalah dalam pemilihan itu dilantik ahli MT.

"Saya belum fikirkannya... ramai lain yang layak dilantik untuk MT," katanya.

Kesemua lapan ahli korporat, antaranya Datuk Dr Kamal Salih, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, Mohamed Kamal Hussain dan Datuk Abdul Khalid Ibrahim, gagal dalam pemilihan parti.

Presiden parti berhak melantik 10 anggota MT, tidak termasuk Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Penerangan. -- BERNAMA

ARA AKD